Ruj.Kami: KP(JPS)5181/01/02/Jld.2 ( )
Tarikh : 18 Februari 2002

Semua Ketua Eksekutif/Pengetua/Guru Besar
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)/
Institusi Pendidikan Swasta (IPS)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA PENDAFTAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BIL. 4/2002
Dasar Pengambilan / Penempatan Pakar / Pegawai / Guru-Guru Bukan Warganegara Di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta / Institusi Pendidikan Swasta

Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan ketetapan yang telah dibuat mengenai pengambilan atau penempatan pakar / pegawai / guru-guru bukan warganegara di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) / Institusi Pendidikan Swasta (IPS) (termasuk sekolah ekspatriat/antarabangsa). Ketetapan ini termasuk pertukaran pakar/pensyarah/guru-guru bukan warganegara dari sebuah IPTS/IPS.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat keputusan bahawa pengambilan/penempatan warganegara asing hendaklah mengikut peraturan seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran 1** yang disertakan bersama-sama pekeliling ini.

3. Permohonan untuk mendapatkan pas pengajian sama ada yang baru atau lanjutan dari Jabatan Pendidikan Swasta hendaklah dikemukan tidak lewat daripada **tiga (3) bulan** seblum pegawai tersebut dikehendaki bertugas.

3.1 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- Borang PEUP/1 (untuk permohonan baru) atau
- Borang PEUP/2 (untuk permohonan lanjutan); atau
- Surat Lampiran Permohonan (FORMAT PEUP).

3.2 Salinan dokumen-dokumen yang berikut hendaklah disahkan oleh Ketua Eksekutif/Pengetua institusi pendidikan berkenaan:

- Pasport;
- Sijil akademik;
- Sijil kelulusan ikhtisas/professional;
- Iklan kekosongan jawatan yang disiarkan dalan akhbar tempatan;
- Resit pembayaran iklan;
- Justifikasi bagi permohonan tanpa iklan;
- Permit mengajar yang terkini (bagi permohonan lanjutan)
- Sijil Pendaftaran Sekolah yang terkini;
- Butir-butir diri pemohon (curriculum vitae); dan
- Laporan kesihatan pemohon.

4. Majikan hendaklah memperakukan bersama-sama permohonan pas penggajian, jaminan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah bahawa pemohon tidak akan melibatkan diri dalam kegiatan yang bertentangan dengan kepentingan dan keselamatan negara seperti politik,sosial,salah guna dadah, salah laku moral, dan etika dan lain-lain.

5. Selepas kelulusan diberikan oleh Kementerian Pendidikan:

- Pemohonan dikehendaki menghubungi Jabatan Imigresen untuk pengeluaran Visa dan Pas Penggajian dan lain-lain pas yang berkaitan
- Menjelaskan bayaran-bayaran levi dan pas yang akan ditentukan oleh Jabatan Imigresen;
- Jawatan ini hendaklah diisi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh kelulusan;
- Permohonan lanjutan hendaklah dikemukan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kepada Kementerian Pendidikan; dan
- Salinan Pas pengajian yang dikeluarkan oleh Jabatan ini untuk direkodkan.

6. Kegagalan atau kelewatan institusi pendidikan tinggi berkenaan untuk mengemaskini dokumen permohonan akan menyebabkan kelewatan dan seterusnya boleh membatalkan proses pengambilan warganegara asing.

7. Pihak institusi pendidikan berkaitan diminta mengambil perhatian serius terhadap perkara ini supaya proses pengambilan/penempatan warganegara asing dapat dilakukan dengan segera.

8. Adalah juga dimaklumkan bahawa KPM dari semasa ke semasa akan menjalankan pemeriksaan bagi tujuan memastikan setiap institusi tersebut di atas mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

9. Surat Pekeliling Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 4/2002 ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh dikeluarkan.

Sekian. Terima kasih.

1 "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

t.t

(DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT)
Ketua Pendaftar
Institusi Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia.

s.k

1. Y.B. Menteri Pendidikan
   Kementerian Pendidikan Malaysia

2. Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri Pendidikan
   Kementerian Pendidikan Malaysia

3. Ketua Setiausaha Parlimen
   Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Ketua Setiausaha
   Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Timbalan Ketua Pendaftar
   Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
   d/a Jabatan pendidikan Swasta
   Kementerian Pendidikan Malaysia

6. Pengarah-Pengarah Bahagian
   Jabatan Pendidikan Swasta
   Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Pendaftar Sekolah-sekolah Semua Negeri.

Format PEUP

URUSAN MENDAPATKAN PAS PENGGAJIAN BAGI PEGAWAI/GURU WARGANEGARA ASING DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA (IPS)

1. **Pengiklanan Jawatan**

1.1 Sesebuah sekolah/institusi pendidikan swasta yang memerlukan perkhidmatan pegawai/guru warganegara asing hendaklah terlebih dahulu mengiklankan kekosongan jawatan tersebut dalam akhbar tempatan.

1.2 Pengiklanan hendaklah dibuat sekurang-kurangnya dua kali (pada hari yang berlainan) tanpa menyatakan hanya pegawai/guru warganegara asing sahaja yang layak memohon. Iklan tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:-

a) Nama dan alamat sekolah/institusi
b) Jawatan kosong yang perlu diisi
c) Kursus/mata pelajaran yang akan diajar (bagi jawatan guru/pensyarah)
d) Kelayakan akademik dan profesional yang diperlukan
e) Pengalaman bertugas yang diperlukan
f) Tarikh dikehendaki mula bertugas
g) Butir-butir lain yang difikirkan sesuai dan perlu

1.3 Sekiranya tiada iklan dikeluarkan, pemohon hendaklah mengemukakan justifikasi mengapa jawatan tidak diiklankan untuk pertimbangan Jawatankuasa.

2 Syarat-Syarat Asas Dalam Mempertimbangkan Kesesuaian Pemohon

2.1 Kelulusan/Kelayakan dan Pengalaman

a) Tadika Ekspatriat

Mempunyai sekurang-kurangnya Sijil atau Diploma dengan pengkhususan **Pendidikan Awal Kanak-Kanak**.

b) Sekolah Rendah/Menengah Swasta

Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan pengkhususan yang berkaitan dengan bidang yang akan diajar.

2.2 Pengalaman

- **Tenaga Pengajar**

  Mempunyai sekurang-kurangnya **3 tahun** pengalaman mengajar di mana-mana sekolah/institusi pendidikan tinggi/universiti.

- **Pengarah Akademik/Ketua Pengajian**

  Mempunyai sekurang-kurangnya **5 tahun** pengalaman mengajar/mengurus di mana-mana sekolah/institusi pendidikan tinggi/universiti.

2.3 Had umur yang ditetapkan bagi guru-guru warganegara asing

i. Sekolah/Institusi Pendidikan Tinggi : **Tidak kurang daripada 25 tahun**.

3. **Prosedur Permohonan Pas Penggajian**

3.1 Semua permohonan hendaklah diuruskan sendiri oleh pihak **sekolah/institusi berkenaan dan bukan melalui agen**.

3.2 Permohonan untuk memohon mendapatkan pas penggajian sama ada yang baru atau lanjutan dari Jabatan Pelajaran Swasta hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 3 bulan sebelum pegawai tersebut dikehendaki bertugas.

3.3 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan:

3.3.1 Borang PEUP/1 (untuk permohonan baru) atau;
Borang PEUP/2 (untuk permohonan lanjutan) dan;
Surat Lampiran Permohonan (FORMAT PEUP).

3.3.2 Salinan dokumen-dokumen berikut yang disahkan oleh Pengetua/Ketua Eksekutif institusi pendidikan berkenaan:

- Pasport
- Sijil Akademik
- Sijil kelulusan ikhtisas/profesional
- Iklan kekosongan jawatan yang disiarkan dalam akhbar tempatan
- Resit pembayaran iklan
- Justifikasi bagi permohonan tanpa iklan

3.3.3 Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disahkan oleh Pengetua/Ketua Eksekutif institusi berkenaan:

- Permit mengajar yang terkini (bagi permohonan lanjutan)
- Sijil Pendaftaran Sekolah yang terkini

3.3.4 Butir-butir diri pemohon (Curriculum Vitae)

3.3.5 Laporan Kesihatan Pemohon

4 Syarat-syarat Tambahan

4.1 Kementerian Pelajaran boleh menolak mana-mana permohonan yang tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

4.2 Kebenaran yang telah diluluskan boleh dibatalkan sekiranya pemohon melanggar mana-mana syarat tersebut.

4.3 Majikan hendaklah memperaku bersama permohonan pas penggajian jaminan yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah bahawa pemohon tidak akan melibatkan diri dalam kegiatan yang bertentangan dengan kepentingan dan keselamatan negara seperti politik, sosial, salah guna dadah, salah laku moral dan etika dan lain-lain.

4.4 Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia selaku Ketua Pendaftar mempunyai kuasa mengecualikan mana-mana syarat di atas.

Perhatian: ***Kebenaran untuk mengajar di mana-mana institusi pendidikan. Untuk kelulusan pengeluaran pas penggajian oleh Jabatan ini bukanlah satu kebenaran membolehkan seseorang itu mengajar di institusi pendidikan, pemohon hendaklah memohon Permit Mengajar dari Bahagian Pendaftaran di Jabatan Pelajaran Negeri berkenaan.***

SYARAT-SYARAT PERLU

1. Pegawai-pegawai dagang berkenaan **DITEGAH** berpindah jawatan/kerja dan hanya dibenarkan untuk menyandang jawatan yang diluluskan sahaja. Sebarang pertukaran jawatan jika diperlukan hendaklah terlebih dahulu **MENDAPAT KELULUSAN/KEBENARAN BERTULIS** daripada Jabatan Imigresen **(URUS SETIA PEWARGANEGARAAN)**.
   (Peruntukan 9(3) Peraturan Imigresen 1963)

2. Syarikat dikehendaki dan bertanggungjawab mengemukakan pasport/dokumen perjalanan serta pas-pas yang dikeluarkan ke pejabat ini atau pejabat Imigresen negeri yang berhampiran apabila pegawai dagang berkenaan berhenti/diberhentikan kerja untuk pembatalan pasnya.

3. Pengeluaran pas-pas berkenaan adalah tertakluk kepada peruntukan dan prosedur Imigresen.

4. Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai dagang berkenaan mematuhi serta menghormati:

   4.1 Segala undang-undang dan peraturan negara; khususnya yang berkaitan dengan profesionalisme mereka.

5. Selepas kelulusan diberi oleh Kementerian Pelajaran:

   5.1 Pemohon dikehendaki menghubungi Jabatan Imigresen untuk pengeluaran Visa dan Pas penggajian dan lain-lain pas yang berkaitan.

   5.2 Menjelaskan bayaran-bayaran levi dan pas yang akan ditentukan oleh Jabatan Imigresen.

   5.3 Jawatan ini hendaklah diisi dalam 6 (enam) bulan dari tarikh kelulusan.

   5.4 Permohonan lanjutan hendaklah dikemukakan 3 (tiga) bulan sebelum tamat tempoh kepada Kementerian Pelajaran.

   5.5 Salinan Pas Penggajian telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk direkodkan.